



## PROSEDUR PELESENAN EKSPORT DAN IMPORT KAYU DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0 FASA 1

Prosedur ini diguna pakai oleh pejabat-pejabat MTIB dalam tempoh **Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 Fasa 1, yang berkuat kuasa mulai 1 Jun 2021 sehingga 14 Jun 2021.**

1. Selaras dengan saranan Ketua Setiausaha Negara bertarikh 30 Mei 2021, semua kaunter pelesenan ditutup sepenuhnya bermula 1 Jun sehingga 14 Jun 2021.
2. Kelulusan untuk permohonan seperti berikut adalah ditangguhkan sementara:
  - a. Pendaftaran baharu dan pembaharuan pendaftaran syarikat. Namun permohonan boleh dikemukakan melalui sistem MCS dan kelulusan diberikan selepas tamat tempoh PKP;
  - b. Kelulusan Sijil MYTLAS, Permit Import/Eksport CITES, Sijil *Statement of Legality Timber Sources* (SLTS), Kuota Eksport Kayu Getah (KGB) dan semua kelulusan khas; dan
  - c. Permohonan Pemindahan Barang (K3) kayu dan produk kayu daripada Semenanjung Malaysia ke Sabah, Sarawak atau Labuan.
3. Permohonan permit bagi tarikh eksport yang berlaku antara 1 Jun hingga 14 Jun 2021 adalah **tidak digalakkan**. MTIB boleh meluluskan permohonan permit eksport, tetapi, **kelulusan beroperasi dan urusan logistik berada di luar tanggungjawab MTIB**. Semua

permohonan permit eksport yang telah diluluskan diwajibkan memohon pemeriksaan fizikal.

4. Perubahan maklumat ke atas permit eksport yang telah diluluskan adalah tidak dibenarkan.
5. Bagi aktiviti pengimportan, permohonan dengan dokumen yang lengkap perlu dikemukakan menerusi e-mel kepada pejabat MTIB berhampiran, tertakluk kepada konsignasi yang telah sampai di pelabuhan atau pintu masuk, serta pemeriksaan fizikal oleh MTIB.
6. Sebarang pertanyaan atau aduan boleh menghubungi talian berikut:

a). Unit Pendaftaran	Pn. Sh. Hasreena (013-2409481) dan Pn. Nurul Faedah (011-16379722);
b). Unit Pelesenan	Pn. Shahira (012-2614282) dan En. Ikhsan (019-5469944);
c). Unit Penguatkuasaan	En. Azro (019-3226048), En. Hanapi (019-3868552) dan En. Nordin (013-3620607).

**BAHAGIAN PELESENAN DAN INSPEKTORAT**  
**LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB)**  
*Kemaskini 1 Jun 2021*